



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PEMAHAMAN PROSES SOSIALISASI 'MAT REMPIT' DALAM
KALANGAN BELIA DI UTARA MALAYSIA**

**MOHD MURSYID BIN ARSHAD
FPP 2010 2**



**PEMAHAMAN PROSES SOSIALISASI 'MAT
REMPIT' DALAM KALANGAN BELIA
DI UTARA MALAYSIA**

MOHD MURSYID BIN ARSHAD

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2010



**PEMAHAMAN PROSES SOSIALISASI ‘MAT REMPIT’
DALAM KALANGAN BELIA DI UTARA MALAYSIA**

Oleh

MOHD MURSYID BIN ARSHAD

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains**

Mei 2010



DEDIKASI

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA

PENYAYANG

SELAMAT DAN SALAM BUAT RASUL UNGGULAN MULIA

Buat ibunda tercinta, Hannah binti Ibrahim dan ayahanda yang dikasihi, Arshad bin Mawardi. Jasa ayahanda dan bonda yang melahirkan, membesarkan dan mendidik diri ini bersama adik-adik yang tercinta (Nur Wahidah, Nur Rasyidah, Nur Rahimah, Syarif dan Rusydi) serta ucapan doa yang tidak pernah putus dari bibir ayahanda dan bonda yang tiada nilai yang dapat menyamainya.

Kepada isteri tersayang, Siti Nur Fadzliana binti Ahmad Fesol, kesabaran dan ketabahan diberikan telah memberikan suntikan semangat untuk meneruskan perjuangan menuntut dan menimba ilmu. Ungkapan doa yang mendoakan kesejahteraan dan ketenangan sepanjang pengajian turut mengiringi kejayaanku.

Segala pengorbanan kalian semua akan terpahat dalam ingatan dan doakan ilmu yang ditimba ini dapat dimanfaatkan secara berterusan untuk kebaikan di dunia dan akhirat. Inshaallah.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

PEMAHAMAN PROSES SOSIALISASI 'MAT REMPLIT' DALAM KALANGAN BELIA DI UTARA MALAYSIA

Oleh

MOHD MURSYID BIN ARSHAD

Mei 2010

Pengerusi Ismi Ari bin Ismail, PhD

akulti Pengajian Pendidikan

Fenomena 'Rempit' sebenarnya adalah manifestasi evolusi perlumbaan motosikal haram yang telah wujud di Malaysia sejak tahun-tahun 1970 an lagi. Gelaran 'Mat Rempit' adalah gelaran yang diberikan kepada individu lelaki yang terlibat dalam salah laku jalanan dengan menunggang motosikal secara berlumba dan aksi-aksi yang merbahaya secara berkumpulan untuk mencari titik kepuasan dari penglibatannya. Kajian ini menerokai proses bagaimana seseorang belia terlibat sebagai Mat Rempit dan pengalaman yang dilalui mereka. Kajian ini menjawab tiga persoalan kajian berikut: (1) Mengapa belia menjadi Mat Rempit? (2) Apakah pengalaman yang dilalui sebagai Mat Rempit? dan (3) Apakah yang belia peroleh dengan menjadi Mat Rempit?



Pendekatan kualitatif berunsurkan fenomenologi dipilih untuk menyempurnakan penyelidikan dan menjawab persoalan kajian. Pendekatan dan kaedah ini dipilih kerana berkemampuan untuk menjawab persoalan kajian yang ingin memahami makna dan pengalaman Mat Rempit sepanjang keterlibatan mereka menjalankan aktiviti merempit. Teknik temubual separa berstruktur mendalam digunakan untuk mengumpul data dari 13 orang responden yang terdiri dari Mat Rempit yang menceritakan pengalaman mereka terlibat dalam fenomena ini. Data telah dianalisis dengan membina kategori dan tema untuk menjawab persoalan kajian.

Penemuan kajian menemui dua faktor utama yang mendorong belia menjadi Mat Rempit iaitu faktor penolak dan penarik yang mengandungi lapan buah tema. Faktor penolak mengapa belia merempit adalah kerana kebosanan, masalah keluarga, tekanan masalah dan sosio-ekonomi yang rendah. Faktor penarik pula adalah kerana keinginan dalaman, minat, pengaruh rakan dan sebagai cara mendapatkan wang. Penceritaan pengalaman yang dilalui Mat Rempit mengandungi empat tema utama yang menceritakan proses aktiviti merempit, proses yang berlaku dalam kumpulan Rempit, proses pembelajaran yang meliputi kemahiran dan kebolehan serta pengalaman salah laku Mat Rempit. Dalam mencari makna merempit, kajian turut menemukan tema iaitu sebagai wira jalanan, mempunyai kumpulan tersendiri dan sebagai simbol kelakian sebenar yang memberikan kepuasan melalui apa yang diperolehi Mat Rempit dalam penglibatan mereka.

Berdasarkan kepada pengalaman belia, pengkaji turut mengenalpasti faktor dan punca sebenar belia pada masa kini memilih jalan sebagai Mat Rempit bagi mengisi tuntutan keinginan usia muda. Langkah awal dalam menangani fenomena Rempit adalah perlu bagi memastikan masa depan negara kita bergerak mencapai keamanan dan kemakmuran selari dengan agenda kemajuan negara. Belia Malaysia bukannya bermasalah tetapi mereka sebenarnya memerlukan bimbingan semua pihak termasuk ahli masyarakat sendiri. Oleh itu, bentuk program intervensi pembangunan belia yang dicadangkan perlu mempertimbangkan kehendak kumpulan sasaran iaitu golongan Mat Rempit sendiri, kerana objektif program, dalam masa yang sama, adalah membawa mereka kembali kepada kehidupan yang positif.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**UNDERSTANDING 'MAT REMPLIT' SOCIALIZATION PROCESS
AMONG YOUTH IN NORTHERN MALAYSIA**

By

MOHD MURSYID BIN ARSHAD

May 2010

Chairman: Ismi Ari bin Ismail, PhD

Faculty: Faculty of Educational Studies

The 'Mat Rempit' phenomenon is a manifestation of the evolution of illegal motorcycle racing in Malaysia since the 1970s. 'Mat Rempit' is a term given to young men who are involved in street delinquent activities such as racing and performing dangerous actions in order to achieve self satisfaction from their involvement. The main objective of this study is to explore the process of why youth were attracted to become Mat Rempit based on their experiences. The study sought to answer three research questions as follows: (1) Why youth become Mat Rempit? (2) What are their experiences as Mat Rempit? and (3) What do youth get out of being Mat Rempit?



A qualitative approach informed by phenomenology was employed in this research to answer the research questions as it seemed to be the most appropriate method for explicating data collected from in-depth, semi-structured interviews with 13 respondents. The data were analyzed further through categorical and thematical construction to address the research questions.

The research findings suggest two main factors on why youth become Mat Rempit, namely push and pull factors which consists of eight main themes. The push factors found were boredom, family problems, pressure from problems and lower socio-economic status. Pull factors were presented as internal needs, enthusiasm, peer group pressure and income earned from the activity. The lived experiences as a Mat Rempit also revealed four main themes namely the process of doing the activities, the process of group activities, the learning process on related skills and abilities, and the delinquent experiences of Mat Rempit. In understanding the real meaning of *merempit* the research unveiled the dire needs of becoming *the king of the road* ownership in formed group and a symbol of manliness in order to gain satisfaction from their involvement as Mat Rempit.

Based on the youth experiences, the researcher also identified factors and causes of why youth nowadays choose to be Mat Rempit. Prompt action is needed to address this phenomenon in order to ensure that the country is peaceful and harmonies to meet it is national development agenda. Malaysian youth are not problematic per se, but they need



considerable guidance especially from local community members. Therefore, any intervention program intended for them should focus on youth age as a target group in order to bring them back to the community and lead a positive lifestyle.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya maka saya dapat melengkapkan penulisan ini.

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia tesis ini, Dr. Ismi Arif bin Ismail atas dedikasi beliau dalam memberi bimbingan, bantuan dan sokongan sepanjang tempoh saya melengkapkan tesis ini. Saya juga turut merakamkan ucapan ini kepada Profesor Dr. Turiman bin Suandi dan Prof. Madya Dr. Abdul Lateef bin Abdullah atas dorongan dan panduan yang diberikan. Ucapan ini turut dipanjangkan kepada Profesor Dr. Hj Azimi bin Hamzah yang menjadi mentor saya serta semua pensyarah yang pernah mengajar saya dan kakitangan di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan sepanjang pengajian saya ini.

Saya juga turut berterima kasih kepada semua responden dari kalangan belia yang terlibat dalam kajian ini. Penghargaan juga saya tujukan kepada ibu bapa, seisi keluarga dan tunang yang memberi sokongan padu dalam menyiapkan tesis ini. Akhir sekali, ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan tesis ini. Hanya Allah sahaja mampu membalas kebaikan yang dilakukan.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 25 Mei 2010 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Mursyid bin Arshad bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Pemahaman Proses Sosialisasi 'Mat Rempit' dalam Kalangan Belia di Utara Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Shamsuddin Ahmad, EdD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Azimi Hamzah, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Haslinda Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Khairul Anwar Mastor, PhD

Profesor
Pusat Pengajian Umum
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

BU ANG KIM HUAT, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ismi Ari Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abd Latee Abdullah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Turiman Suandi, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHA ALI, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Ogos 2010



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

MOHD MURSYID BIN ARSHAD

Tarikh:



ADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRA T	vi
PENGHARGAAN	ix
PENGESAHAN	x
PERAKUAN	xii
SENARAI ADUAL	xv
SENARAI GAMBARA AH	xvi

BAB

I	PENDAHULUAN	
	Pengenalan	1
	Latar belakang Kajian	2
	Pernyataan Masalah	5
	Persoalan Kajian	7
	Kepentingan Kajian	7
	Skop Kajian	8
	Limitasi Kajian	9
	Definisi Istilah	10
II	SOROTAN LITERATUR	
	Pengenalan	13
	Teori Sub-budaya	14
	Sub-budaya belia	17
	Sub-budaya belia yang meminati kenderaan	19
	Aktiviti Belia Bermotosikal	25
	Model <i>Communities of Practice</i> (COP)	34
	Pembangunan identiti belia	40
	Identiti individu	40
	Penentuan identiti individu melalui keluarga	44
	Penentuan identiti melalui rakan sebaya	48
	Keadaan sosio-ekonomi	51
	Tahap pendidikan mempengaruhi pembentukan identiti	53
	Pengaruh keadaan persekitaran	54
	Kerangka Konsep Kajian	55
	Ringkasan	58
III	METODOLOGI KA IAN	
	Pengenalan	59
	Kaedah penyelidikan kajian	60



Pendekatan berunsurkan fenomenologi	65
Justifikasi pemilihan kaedah	70
Mengapa memilih temubual	71
Pemerhatian turut serta	73
Pengkaji sebagai instrumen	75
Aktiviti di lapangan	75
Mengenalpasti responden	76
Responden kajian	78
Kriteria pemilihan responden	80
Butiran informan	82
Dalam lapangan	82
Kajian rintis dan sebenar	82
Temubual semi berstruktur	84
Susunan temubual	90
Etika dalam kajian	94
Analisis data dan interpretasi	97
Pengurusan data	98
Penulisan transkripsi temubual	99
Penganalisan temubual	100
Pembentukan tema	101
Kredibiliti, kebolehpindahan, kebolehsandaran dan kebolehsahan	109
Pengelakan bias pengkaji	115
Ringkasan	117

IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
Pengenalan	119
Butiran responden	120
Latar belakang responden	120
Profil responden	123
Persoalan Kajian: Mengapa belia menjadi Mat Rempit?	125
Faktor penolak	125
Faktor penarik	142
Persoalan Kajian: Apakah pengalaman yang dilalui dalam menjadi Mat Rempit?	164
Proses aktiviti Mat Rempit	165
Proses aktiviti berkumpulan Mat Rempit	182
Kemahiran dan kebolehan Mat Rempit	195
Pengalaman salah laku Mat Rempit	202
Persoalan Kajian: Apakah yang mereka peroleh dengan menjadi Mat Rempit?	218
Ringkasan	230

V	RINGKASAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
	Pendahuluan	232
	Ringkasan	232
	Kesimpulan	235
	Implikasi	245
	Cadangan	251
	RUMUSAN	264
	LAMPIRAN	274
	BIODATA PENULIS	278



SENARAI ADUAL

adual	Muka Surat
1 Tarikh temubual dan pemerhatian	89
2 Susunan temubual	91
3 Persoalan etika kajian dan bagaimana menjawabnya	95
4 Latar belakang responden kajian	122

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Komponen <i>Social Theory of Learning</i>	36
2	Persilangan <i>Social Theory of Learning</i>	37
3	Rekabentuk kerangka konsep kajian	57
4	Profil belia yang terlibat dengan Mat Rempit	124
5	Faktor penolak mengapa belia merempit	142
6	Faktor penarik mengapa belia merempit	162
7	Mengapa belia menjadi Mat Rempit	163
8	Proses aktiviti Mat Rempit	181
9	Proses aktiviti berkumpulan Mat Rempit	195
10	Kemahiran dan kebolehan Mat Rempit	202
11	Pengalaman salah laku Mat Rempit	215
12	Pengalaman yang dilalui sebagai Mat Rempit	217
13	Apakah yang belia peroleh dengan menjadi Mat Rempit	230
14	Intervensi pembangunan belia berdasarkan fenomena Rempit	260

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Belia di Malaysia merupakan tunjang dan tulang belakang kepada negara. Merekalah pemegang amanah yang bertanggungjawab sebagai pewaris kepimpinan dan pentadbiran negara pada masa akan datang. Sehingga tahun 2008, perangkaan statistik menunjukkan dari 28.31 juta rakyat Malaysia, sejumlah 18.5 juta adalah dianggarkan terdiri daripada golongan awal belia yang berusia di antara 15 hingga 24 tahun (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009). Dengan perangkaan sumber manusia belia yang begitu tinggi ini, memang tidak dapat dinafikan lagi betapa pentingnya usaha ke arah membimbing mereka untuk bersedia menjadi agen pembangunan negara.

Dalam mendepani cabaran membina sebuah negara maju menjelang 2020, negara dikejutkan dengan pertambahan bilangan belia Malaysia yang terlibat dengan pelbagai perlakuan salah laku seperti merompak, memeras ugut, meragut, penyalahgunaan dadah, perlakuan seks bebas, lumba haram dan gejala sosial yang lain (Mahmood Nazar, 2009). Namun begitu, berlaku kembali imbasan fenomena lumba haram atau perlakuan aksi yang merbahaya di jalanan yang berlaku secara berterusan sejak dahulu yang menjadi minat sebahagian kecil dari keseluruhan komposisi besar golongan belia salah laku yang mudah dilihat dan dikesan hampir di mana-mana sahaja. Fenomena belia bermotosikal ini



juga turut dilihat sebagai sebuah aktiviti tidak sihat serta melanggar peraturan dan perundangan negara disamping membahayakan nyawa dan mengganggu ketenteraman awam.

Kegiatan belia bermotosikal yang lebih sinonim dengan aktiviti lumba haram atau *merempit* telah menjadi salah satu tumpuan utama belia berisiko di Malaysia (Samsudin, 2007). Ini juga merupakan suatu ancaman dan penghalang kepada pembinaan masyarakat Malaysia yang maju seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020. Penglibatan belia terhadap aktiviti lumba haram adalah pada tahap yang membimbangkan (Musa, 2006). Belia yang terlibat dalam gejala ini yang juga dikenali dengan *Mat Rempit* didapati gemar menunggang secara berkumpulan yang besar (Yahya, 2009). Kebanyakan motosikal yang digunakan telah diubahsuai dan tidak memenuhi piawaian.

Latar Belakang Kajian

Isu belia berisiko yang terbabit dengan salah laku dan jenayah bukanlah merupakan suatu perkara yang baru di negara ini. Kini wujud pula terma *Mat Rempit* yang tingkah laku mereka bertentangan dengan nilai masyarakat. Jika diimbaz kembali sekitar 1990 an, banyak pihak telah melahirkan perasaan bimbang terhadap salah laku belia di mana remaja lelaki yang berpelesen dipanggil *bohjan* manakala remaja perempuan yang gemar melepak dipanggil *bohsia*. Turut berlaku adalah kewujudan kumpulan *Black Metal* yang begitu popular sekitar awal tahun 2000 dalam kalangan golongan belia yang

mengkhayalkan pengikutnya dengan menggunakan muzik yang *heavy* dan pengambilan pil khayal di samping aktiviti seks bebas, memuja syaitan, meminum darah kambing, mengenakan identiti serba kehitaman serta perlakuan yang menghina agama. Gejala *Black Metal* didapati telah meruntuhkan akhlak ramai golongan remaja (Azizi et al., 2002).

Setelah isu *Black Metal* dalam kalangan remaja semakin menyepi, kini isu negara yang hangat dibincangkan adalah fenomena lumba haram yang telah wujud sekian lama oleh masyarakat dan media masa sejak kebelakangan ini. Fenomena *Mat Motor* pada masa lalu sejak perkembangan industri permotoran negara sekitar 1980 an seakan-akan mendapat nafas baru dengan gelaran *Mat Rempit* setelah melalui pelbagai revolusi dan kini *Samseng Jalan* sebagai cadangan bagi menggantikannya. Penglibatan belia dengan pelbagai gejala sosial akan merosakkan masa depan mereka (Yahya et al., 2005).

Gelaran *Mat Rempit* sebenarnya adalah satu istilah yang diberikan oleh masyarakat kepada belia yang terbabit dalam aktiviti lumba haram dengan menggunakan motosikal kapcai. Namun begitu, tidak semua *Mat Rempit* terlibat dengan perlumbaan, tetapi ada juga yang menunggang motosikal secara merbahaya di jalan raya sehingga membahayakan pengguna jalan raya lain serta mengganggu ketenteraman awam (Samsudin, 2007). Berdasarkan definisi yang diberikan oleh Rozmi (2005), terma *Mat Rempit* di Malaysia adalah individu yang menyertai perlumbaan haram yang menggunakan motosikal berkuasa kecil. Mereka terdiri dari penunggang motosikal yang

melakukan aksi yang merbahaya secara solo atau berkumpulan (Yahya, 2009). Mat Rempit biasanya juga dicap sebagai samseng jalanraya kerana sering menimbulkan kekecohan di jalan raya dan dikaitkan dengan pelbagai masalah sosial seperti merompak, merogol, menyerang dan membunuh (Rozmi & Norhayati, 2007). Walau bagaimanapun, secara jelas Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987 ke 42 (pindaan 1999) telah menyatakan aktiviti lumba haram adalah merupakan suatu kesalahan jenayah yang menyalahi undang-undang jalan raya dan membahayakan pengguna jalan raya yang lain apabila memandu secara melulu yang termasuk dalam Seksyen 42, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Akta Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334).

Berdasarkan kepada fenomena Rempit yang berlaku dalam kalangan belia pada masa kini, timbul tanda tanya realiti sebenar keterlibatan belia dalam aktiviti Rempit ini terhadap salah laku jenayah yang lain dalam aktiviti mereka seperti yang sering diperkatakan oleh media dan masyarakat. Tanpa penyelidikan empirikal dan kefahaman secara mendalam terhadap fenomena Rempit, tidak banyak perkara yang boleh dilakukan untuk membantu dan membawa mereka kembali kepada masyarakat agar menjadi rakan kepada pembangunan negara. Oleh yang demikian, fokus kajian ini dijalankan adalah untuk memahami fenomena Mat Rempit terhadap belia yang benar-benar terlibat dengan perlumbaan haram dan perlakuan aksi penunggangan. Kajian ini berdasarkan kepada pengalaman kehidupan belia, bagi menyingkap maksud sebenar untuk menjadi Mat Rempit dan bertujuan untuk mengkonsepsikan bagaimana menggunakan pengalaman

mereka untuk membawa mereka bersama-sama menjadi rakan dalam pembangunan negara.

Pernyataan Masalah

Harapan yang disandarkan oleh masyarakat dan kerajaan kepada belia Malaysia adalah belia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi kemandirian rohani, akhlak dan jasmani, bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik. Belia merupakan penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan Wawasan 2020 seperti yang digariskan dalam Dasar Pembangunan Negara (Azimi et al., 2002).

Walau bagaimanapun, dalam merencanakan usaha untuk melahirkan belia seperti yang diharapkan negara, terdapat segelintir golongan belia yang telah terdedah kepada gejala sosial dan aktiviti yang tidak berfaedah, terutamanya aktiviti lumba haram dalam kalangan belia yang semakin sukar dibendung malah ia turut semakin menular dan mendatangkan kebencian awam. Terdapat kes melibatkan Mat Rempit yang didapati telah menyerang dan mencederakan anggota penguatkuasa semasa membenteras kegiatan mereka (Berita Harian, 11 Mei 2009). Segelintir remaja yang terlibat dengan lumba haram sanggup mencuri motosikal bagi tujuan perlumbaan setelah diubahsuai dan untuk mendapatkan alat ganti (Harian Metro, 7 Mac 2009) dan juga turut dikaitkan dengan menyamun orang awam (The Star, 27 Januari 2009).

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan sebelum ini berkaitan isu remaja yang terlibat dengan gejala lumba haram, Rozmi (2005) menumpukan kepada faktor-faktor yang mendorong kepada keterlibatan melalui personaliti Mat Rempit di Lembah Klang. Kajian tersebut dipanjangkan pada tahun 2007 oleh Rozmi dan Norhayati berkaitan faktor yang mempengaruhi keterlibatan dan hubungan dengan jenis personaliti, sokongan sosial dan *coping skill* yang tidak meluas kepada konteks Mat Rempit di kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Selain itu, Haslinda et al. (2009) tertumpu kepada pembentukan Model Sosio-Psikologikal dalam memahami gejala sosial di Lembah Klang dan mengambil Mat Rempit sebagai sebahagian daripada keseluruhan golongan remaja bermasalah yang lain. Di samping itu, kajian oleh Yahya (2009) pula mengkaji tentang penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia Mat Rempit. Oleh itu, kajian khusus terhadap Mat Rempit perlu dijalankan dalam memahami fenomena ini.

Fenomena Rempit sebenarnya adalah manifestasi evolusi perlumbaan motosikal haram yang telah wujud di Malaysia semenjak tahun 1970 an lagi (Ismi et al., 2009). Kebimbangan umum adalah bagaimanakah keadaan negara pada masa hadapan sekiranya fenomena Rempit ini tidak ditangani dengan sebaik-baiknya. Untuk mencapai penyelesaian terhadap kebimbangan tersebut, kajian ini akan memahami terlebih dahulu fenomena Rempit kepada belia yang terlibat, menyelami pengalaman aktiviti mereka dan memahami kehendak sebenar yang mereka ingin perolehi. Oleh yang demikian, tujuan utama kajian yang dilakukan ini adalah untuk memberikan kefahaman terhadap hubungan sosialisasi golongan belia yang terlibat sebagai Mat Rempit melalui pengalaman yang